

BAHASA MELAYU



 **SAUJANA** PENGKOLONGAN KATA
kata hubung pancangan

MOHAMED NAIM DAUPI

Melayu akan diterus
GENTAMAYA MOHAMED NAIM DAUPI

Getar-Getar Senja
TUMPAS

MIND

KATA HUBUNG

Kata penyambung ayat dapat dibahagikan kepada

KATA HUBUNG GABUNGAN

Kata yang menghubungkan dua klausa atau lebih yang sama tara sifatnya atau yang memiliki status sintaksis yang serupa.

KATA HUBUNG PANCANGAN

Kata yang menghubungkan klausa-klausa yang tidak setara atau memiliki klausa pancangan yang terpancang pada klausa utama / induk.

KATA HUBUNG BERPASANGAN

Penggunaan dua kata yang menghubungkan klausa-klausa yang setara tetapi terpisah.

Kata Hubung Pancangan menghubungkan dua klausa atau lebih yang tidak memiliki status sintaksis yang sama. Klausa (anak ayat) dipancangkan ke satu ayat yang dinamai ayat induk. Atau, ayat yang dipancangkan itu merupakan keterangan kepada ayat induk.

Saya akan memakai payung jika hujan turun dengan lebat.


- Saya akan memakai payung
- Hujan turun dengan lebat.

Ketika kami sedang tidur, pencuri itu memecah masuk .

- Kami sedang tidur.
- Pencuri itu memecah masuk.

Saya mengadu kepada ayahnya sebab dia berbuat nakal.

- Saya mengadu kepada ayahnya.
- Dia berbuat nakal



**KATA HUBUNG
PANCANGAN
RELATIF**


Kata yang berfungsi untuk menghubungkan klausa utama dengan komplemen atau pelengkap seperti *bahawa dan untuk*.

- 01 Pengetua itu menyatakan bahawa kadar kelulusan pelajar telah meningkat.
- 02 Murid-murid telah mengetahui bahawa Cikgu Bidin akan ditukarkan sekolah.
- 03 Setiap orang bertanggungjawab untuk menjaga keamanan negara.
- 04 Untuk mencapai kejayaan, tidak ada jalan mudah dan singkat.
- 05 Kelas tambahan itu diadakan untuk meningkatkan keyakinan pelajar menghadapi peperiksaan.
- 06 Pengerusi persatuan itu menerangkan bahawa kenaikan harga minyak telah menjejaskan ekonomi masyarakat.

**KATA HUBUNG
PANCANGAN
RELATIF**

Kata yang berfungsi untuk menghubungkan klausa utama dengan klausa kecil dengan menggunakan '*yang*'.

- 01 Pemuda yang disaman itu telah membayar dendanya.
- 02 Mayat nelayan yang jatuh ke laut itu belum ditemui.
- 03 Drama yang ditulis oleh Bahari Zaman telah memenangi Anugerah Bani Buang.
- 04 Gadis yang sedang termenung itu telah ditinggalkan kekasihnya.
- 05 Tindakan polis yang tidak mengikut prosedur akan disiasat oleh pemerintah.
- 06 Anggota polis yang makan rasuah itu telah dikenakan tindakan disiplin.
- 07 Bumi Aceh yang dilanda tsunami itu telah dibangunkan semula.

**KATA HUBUNG
PANCANGAN
KETERANGAN**

Kata yang berfungsi untuk menghubungkan klausa utama dengan klausa yang menjadi keterangan. Antara kata hubung tersebut ialah:.

- sebab** Penduduk kampung itu berpindah sebab hendak memberi laluan kepada pembangunan negara.
- sekiranya** Persembahan itu akan dibatalkan sekiranya sambutannya dingin.
- kalau** Kami akan mendakwanya ke mahkamah kalau dia berterusan membuat tuduhan palsu itu.
- apabila** Apabila hujan lebat dan air laut sedang pasang, kawasan rendah itu akan banjir
- ketika** Ketika saya tiba di rumahnya, dia sedang bersolat.

Anak ayat atau ayat kecil yang menjadi keterangan kepada ayat induk (ayat utama) ini boleh digolongkan kepada:

**1 KETERANGAN
WAKTU**

sesudah, setelah, sebelum,
sehabis, sejak, ketika, tatkala,
sewaktu, Sementara, selama,
sehingga, sampai

**2 KETERANGAN
SYARAT**

jika, jikalau, kalau, asal
(asalkan), manakala,
andaikata, sekiranya

**3 KETERANGAN
AKIBAT**

hingga, sehingga

4

**KETERANGAN
SEBAB**

sebab, kerana, lantaran,
oleh sebab

5

**KETERANGAN
PERBANDINGAN**

seperti, macam, laksana,
bagai, bagaikan, bak, ibarat,
umpama, seumpama,
seakan-akan, seolah-olah,
sebagaimana

6

**KETERANGAN
TUJUAN**

demi, untuk, bagi

**7 KETERANGAN
CARA**

dengan

**8 KETERANGAN
HARAPAN**

walaupun, biarpun, kendati-
pun, sungguhpun, namun,
meskipun, sekalipun, walau
sedangkan, bagaimanapun

**9 KETERANGAN
PERTENTANGAN**

jika, jikalau, kalau, asal
(asalkan), manakala,
andaikata, sekiranya

1 KETERANGAN WAKTU

menghubungkan klausa utama dengan masa sesuatu perbuatan atau kejadian.

sesudah.....	Sesudah mengerjakan solat, makan malam.
setelah.....	Dia terus pulang setelah menghadiri kelas silat.
sebelum.....	Sebelum bersolat, dia berwuduk dulu.
sehabis.....	Kami terus bersurai sehabis ucapan pengetua.
sejak.....	Dia bermurung sejak peristiwa itu.
ketika.....	Gani di Itali ketika ibunya meniggal dunia.
tatkala.....	Dia bersolat tatkala saya tiba di rumahnya.
sewaktu.....	Dia berbuat bising sewaktu guru tiada di kelas.
sementara.....	Ayah membaca akhbar sementara menantikan ibu bersolek.
selagi.....	Saya akan tinggal di sini selagi kauizinkan.
sehingga.....	Dia terus belajar sehingga matanya mengantuk.
sampai.....	Salam terus berzikir sampai keletihan.
semasa.....	Semasa ketiadaan kami, Halim bermalam di rumah neneknya.
selama.....	Dia boleh tinggal di sini selama dia menyukainya.

2 KETERANGAN SYARAT

menghubungkan klausa utama dengan sesuatu tuntutan yang mesti dipenuhi.

jika	Dia akan berpayung jika panas terlalu terik
jikalau	Kakak akan berehat jikalau terlalu penat.
kalau	Kami pasti berpindah ke tempat lain kalau sewanya naik.
asal	Kamu boleh pergi asal hutangmu kaubayar dulu.
asalkan	Kamu boleh menginap di sini asalkan sewanya kaulunasi.
manakala	Wajah wanita tua itu ceria manakala melihat anaknya datang.
andaikata	Saya akan melakukannya andaikata diberi peluang.
sekiranya	Sekiranya berwang, saya hendak membeli rumah di Johor.
seandainya	Seandainya negara ini bankrap, saya akan berhijrah ke negara lain.

3 KETERANGAN AKIBAT

menghubungkan klausa utama dengan kesan atau hasil sesuatu perbuatan, tindakan.

hingga Peminat bola sepak berpekik-pekau hingga suara serak.

sehingga Dia bersimpati dengan nasib kawannya sehingga air matanya jatuh bercucuran

4 KETERANGAN SEBAB

menghubungkan klausa utama dengan sebab berlakunya sesuatu kejadian atau perbuatan.

sebab	Dia tidak ke sekolah sebab demamnya tinggi.
kerana	Kerana perbuatannya, seluruh keluarganya mendapat malu.
lantaran	Lantaran nasibnya yang malang, dia sering dicaci hina.
oleh sebab	Oleh sebab ketidakcukupan wang, dia terpaksa berhenti sekolah.

5 KETERANGAN PERBANDINGAN

menghubungkan klausa utama dengan kejadian atau perbuatan yang menyamainya atau menjadi persamaan.

seperti	Nasihat ibu tidak mahu didengarnya seperti mencurahkan air ke daun keladi
macam laksana	Pemuda tu terkinja-kinja macam kera kena belacan. Kedua-dua pengantin yang sedang bersanding itu sama cantik laksana cincin dengan permata
Bagai bagaikan bak ibarat seakan-akan seolah-olah	Jasa ibunya dilupakannya bagai kacang lupakan kulit. Bisingnya kelas ini bagaikan halilintar membelah bumi. Rezekinya bertambah makmur bak tikus jatuh ke beras. Agama itu ibarat suluh yang menerangi jalan kita. Muka panglima itu garang seakan-akan harimau. Kepalanya berpusing seolah-olah dunia berputar lebih cepat.
sebagaimana	Saya akan mengerjakannya sebagaimana janji kita dulu.
umpama	Jalannya lenggang-lenggok umpama itik pulang petang.
seumpama	Seumpama aku menjadi engkau, aku tidak akan membenarkannya bermalam di rumah ini.

6 KETERANGAN TUJUAN

menghubungkan klausa utama dengan tujuan atau maksud sesuatu perbuatan.

demi	Saya sanggup terkorban demi nusa dan bangsa.
untuk	Untuk menenangkan fikirannya, dia mengambil pil .
bagi	penenang yang diberikan doktor kepadanya. Pemerintah meluluskan undang-undang itu bagi menjamin ketenteraman awam.

7 KETERANGAN GAYA

menghubungkan klausa utama dengan gaya sesuatu perbuatan dilakukan.

dengan

Dia menggertak-gertak dengan jarinya
menunjal-nunjal dahi musuhnya.

Dia keluar dari rumahnya dengan memulakan langkah
kanan sambil membaca doa.

8 KETERANGAN HARAPAN

menghubungkan klausa utama dengan sesuatu perbuatan atau kejadian yang dihajati

agar

supaya

kalau-kalau

Dia makan ubat agar segera pulih.

Kakak menyapu supaya biliknya bersih.

Tanyailah orang tua itu, kalau-kalau beliau mengetahui kedudukan rumah datuk kamu itu.

9 KETERANGAN PERTENTANGAN

menghubungkan klausa utama dengan sesuatu perbuatan atau kejadian yang berlawanan

walaupun	Dia masih nakal walaupun telah didenda.
biarpun	Biarpun telah dibedah, Ali masih sakit.
kendatipun	Adik terus menangis kendatipun telah dipujuk.
sungguhpun	Sungguhpun telah dipenjara beberapa kali, Ali belum serik-serik lagi.
meskipun	Meskipun keletihan, pengakap-pengakap itu terus berjalan ke arah khemah mereka.
namun	Dia dicaci dan dihina, namun dia tetap bersabar.
sekalipun	Sekalipun gagal, dia akan tetap berusaha.
sedangkan	Sedangkan negara besar dapat dijajahnya, inikan pula negara kecil.
walau bagaimanapun	Harga barang perhiasan itu mahal, walau bagaimanapun dia akan membelinya untuk isteri kesayangannya.

LATIHAN 1

Pilih kata hubung yang sesuai bagi ayat berikut

1 sebab

2 kalau

3 supaya

4 walaupun

- 01 Dia masih minum minuman bergas dia mengetahui bahayanya.
- 02 Berdoalah kepada Allah fikiran kamu tenang.
- 03 mendung, hujan tidak turun.
- 04 telah ditahan beberapa kali, penjahat itu belum serik lagi
- 05 Saya akan menghadiri majlis itu ada masa lapang.
- 06 Mereka diberkas oleh polis mengganggu ketenteraman awam.

1 sebab

2 kalau

3 supaya

4 walaupun

- 07 Dia berhati-hati tidak mendapat kemalangan di jalan raya.
- 08 Adik membuka lampu biliknya terang.
- 09 kamu tidak faham, bertanyalah kepada guru kamu
- 10 telah dipukul oleh tuannya, anjing itu terus menyalak.
- 11 Abang saya ke London hendak melanjutkan pelajarannya.
- 12 Orang gila itu dikawal tidak membahayakan pesakit lain.

1 sebab

2 kalau

3 supaya

4 walaupun

- 13 Jamilah ke sekolahpenyakitnya belum sembuh lagi.
- 14 Bangunan itu masih tersergam indah telah berusia hampir dua abad.
- 15 Dia sakit perut memakan makanan di gerai yang tidak berlesen itu.
- 16 Datuk memakai kaca matapenglihatannya jelas.
- 17 Ibu dan ayah akan ke Makkah lagi ada wang berlebihan.
- 18 dia gagal lagi, dia akan dipukul oleh bapanya.

LATIHAN2

Pilih kata hubung yang sesuai bagi ayat berikut

setelah

semasa

selagi

sebelum

- 1 hayat dikandung badan, saya akan terus belajar.
- 2 pergi dari situ, mereka bermaaf-maafan.
- 3 Askar-askar musuh menyerah diri kehabisan peluru.
- 4 Kami gembira mengetahui keputusan peperiksaan itu.
- 5 Penyakitnya tidak akan sembuh dia tidak menemui doktor.
- 6 Wanita itu dlanggar van hendak menyeberang jalan.

setelah

semasa

selagi

selama

- 7 Dia tidak akan berjaya dalam pelajarannya
..... malas belajar.
- 8 melelapkan matanya, dia membaca
doa.
- 9 Guru pengawas memberi penerangan ringkas
..... peperiksaan bermula.
- 10 bersalam-salaman, kami pun pulang ke rumah
masing-masing.
- 11 mendaki gunung yang tinggi itu, kami berdoa
untuk keselamatan kami..
- 12 dalam tahanan, penulis itu telah
mengarang dua buah buku.

setelah

semasa

selagi

selama

- 13 dia tidak ditangkap oleh polis, dia tidak akan serik.
- 14 Berfikirlah dua tiga kali kamu bertindak?
- 15 Pencuri itu terus membongkar almari berjaya memecah masuk rumah itu.
- 16 Masyarakat Melayu tidak akan maju mereka tidak mahu berubah.
- 17 Malim memulangkan buku itu ke perpustakaan selesai membacanya
- 18 Dia menangis tersedu-sedu mendengar khabar yang sedih itu

LATIHAN 3

Pilih kata hubung yang sesuai bagi ayat berikut

- 1 saya berpindah ke kampung itu, jalan rayanya belum dibina lagi.
A) tatkala B) selagi
C) supaya D) walaupun

- 2 Mesyuarat khas itu diadakan projek itu berjalan lancar.
A) walaupun B) agar
C) jika D) sebab

- 3 Datanglah ke rumah saya kamu mempunyai kelapangan.
A) kalau B) biarpun
C) supaya D) sebab

- 4 Dia dihantar ke pusat pemulihan dadah
ditangkap oleh polis.
- A) selagi B) sesudah
C) sebelum D) semasa
- 5 Suliza dan kugirannya akan merakamkan lagu
..... mendapat tawaran.
- A) jikalau B) sungguhpun
C) supaya D) ketika
- 6 Ayah angkatnya membenarkan dia tinggal di situ
..... dia gemar akan tempat itu.
- A) selagi B) setelah
C) sebelum D) sewaktu

TAMAT